

DBP, UMS tandatangani memorandum perjanjian terbit buku

15/03/2018

KOTA KINABALU: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani memorandum Perjanjian Kerjasama Penerbitan Buku interaktif kanak-kanak berjudul "Gergasi dan Penghuni di Rumah Panjang" dengan aplikasi Augmented Reality (AR).

Ketua Pengarah DBP Malaysia Datuk Haji Abdul Adzis Abas berkata, melalui kerjasama itu, DBP bersetuju untuk menerbitkan buku bercetak, manakala UMS membangunkan aplikasi AR (Realiti Berperantara).

"Bersesuaian dengan trend penerbitan masa kini dan juga bagi memenuhi kehendak generasi muda, DBP tidak ketinggalan menyebarkan bahan bacaan berbahasa Melayu dalam persekitaran digital yang pesat supaya dapat diakses secara maya.

"Sebagai penerbit, DBP akan terus berusaha meningkatkan jumlah dan mutu penerbitannya dalam semua bidang, kreatif mahupun bukan kreatif, sama ada secara konvensional atau elektronik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pelancaran Buku Baharu Karya Penulis Sabah dan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Kerjasama Penerbitan Antara DBP dan UMS, di Dewan Amil Jaya, DBP Cawangan Sabah, di sini, kelmarin.

Dokumen perjanjian ditandatangani



DOKUMEN PERJANJIAN Abdul Adzis (tiga dari kiri) dan D Kamarudin (tiga dari kanan) menunjukkan dokumen perjanjian kerjasama yang ditandatangani bersama, turut kelihatan Edris (tengah) dan Ariffin (dua dari kiri).

oleh Abdul Adzis dan Pengarah Penerbitan DBP Haji Abd.Khalik Sulaiman, manakala UMS diwakili oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dan Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr. Shahril Yusof

Disaksikan oleh Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Zakaria Hj. Mohd Edris, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Lembaga Pengelola DBP Malaysia Datuk Haji Mohd Ariffin Mohd Ariff dan Pengarah DBP Sabah Hajah Asmiah Haji Ajamain.

UMS melalui Prof. Madya Dr.Low Kok On (Unit Penyelidikan Warisan Borneo, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan) dan Prof. Madya Dr.Ag.Asri Ag. Ibrahim (Fakulti Komputeran dan Informatik) membangunkan buku cerita rakyat dan teka teki berjudul "Gergasi dan Penghuni di Rumah Panjang" dengan aplikasi salah satu teknologi Revolusi Industri 4.0 iaitu Augmented Reality (AR).

Buku inovasi ini merupakan gabungan tiga buah cerita rakyat tempatan yang diselitkan dengan sejumlah 27 teka-teki etnik Kadazan dan Dusun di Sabah, yang dikenali sebagai sundait.

Buku inovasi ini akan diterbitkan dalam dua versi iaitu dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tempoh kerjasama itu berkuatkuasa selama lima tahun.

AR akan menimbulkan kesan grafik yang terkeluar dari skrin televisyen atau computer dan menggabungkannya dengan keadaan dunia sebenar. Buku cerita rakyat teka teki AR mengubah kaedah konvensional membaca buku cerita dan berteka teki secara lisan. Proses pembacaan dengan teknologi baharu ini bertujuan menjadikan aktiviti pembacaan bertambah menarik.

Buku ini sesuai digunakan sebagai bahan bacaan tambahan dalam kalangan pembaca muda di bawah umur 15 tahun serta sesiapa sahaja yang berminat cerita rakyat budaya lain. **-OLEH MARRYAN RAZAN**